

2 FEBRUARI 2023

Gajah liar umpil rumah cari makan

Gua Musang: Kemunculan seekor gajah liar di tiga Kampung di Pos Brooke, merisaukan lebih 500 penduduk di kawasan itu.

Penduduk mendakwa seekor daripada empat ekor gajah liar kini bebas berkeliaran di kawasan penempatan Kampung Kuala Rengil, Kampung Brooke Lama dan Kampung Liak sehingga memusnahkan hasil tanaman penduduk Orang Asli suku temiar itu.

Penduduk Orang Asli Kampung Kuala Rengil, Rajis Angah, 48, berkata minggu lalu, penduduk dikejutkan dengan kemunculan gajah liar jantan yang bertindak agresif apabila mengumpul dinding sebuah rumah penduduk di Kampung Liak untuk mencari makanan.

Katanya, lebih membimbangkan gajah terbabit turut dikesan berkeliaran di kawasan rumah dan Lebuh Raya Gua Musang-Lojing pada waktu malam untuk mencari sumber makanan.

"Sebelum ini gajah tidak pernah sampai di kampung ini. Gajah ini bukan sahaja memusnahkan tanaman tetapi juga dilihat berkeliaran di kawasan kampung.

"Jadi, kami risau dengan keselamatan untuk ke kebun dan anak ke sekolah pada awal pagi kerana gajah terbabit berkeliaran pada waktu malam sehingga awal pagi. Kami berasa terhipit dan takut kerana gajah masih berlegar-legar di sekitar Kuala Rengil dan Kampung Liak.

"Malah, gajah terbabit per-



Mohd Syahbuddin (kiri) bertemu penduduk di Pos Brooke, semalam.

(Foto Paya Linda Yahya/BH)

nah muncul berhampiran klinik kesihatan Pos Brooke minggu lalu," katanya ketika ditemui di Pos Brooke, di sini.

Penghulu Kampung Brooke Lama, Rian Bujang, berkata walaupun Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sudah datang, masalah gajah liar itu masih tidak dapat diselesaikan.

"Kami berharap PERHILITAN memindahkan gajah liar itu ke kawasan lain bagi mengelakkan ancaman berterusan termasuk membabitkan nyawa penduduk.

"Semakin hari semakin habis tanaman kami dimusnahkan. Sehingga tiada sumber makanan, selain kami takut untuk

keluar menoreh getah," katanya.

Harap pampasan disediakan
Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim, berkata beliau difahamkan PERHILITAN memantau kawasan berkenaan sebulan lalu, namun gajah masih berada dalam kawasan itu.

"Saya berharap pampasan dapat disediakan kepada lebih 30 penduduk yang menanam sayur-sayuran, ubi kayu dan jagung.

"Ini adalah sumber pencarian orang kampung dan apabila tanaman ini dirosakkan maka sumber pendapatan mereka juga terjejas. Jadi ini menyukarkan lagi

kehidupan penduduk," katanya.

Awal bulan lalu, media melaporkan lebih 500 penduduk Orang Asli di Kampung Brooke Lama, Pos Brooke di sini resah dengan kemunculan seekor gajah jantan yang masuk ke perkampungan dan memusnahkan tanaman sejak empat hari lalu.

Dalam kejadian pertama kira-kira jam 9 malam Sabtu lalu, gajah dewasa itu memusnahkan pokok ubi kayu dan pisang yang ditanam penduduk dan berlarutan sehingga tiga hari berturut-turut menyebabkan lebih 20 pekebun mengalami kerugian lebih RM20,000 kerana kebanyakan hasil tanaman sudah boleh dijual.